

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI
[BUKIT BENDERA]**

TARIKH : 16.3.2016

SOALAN :

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan *Dual Language Programme* yang diumumkan Perdana Menteri dalam Belanjawan 2016, termasuk kos dan jumlah sekolah yang terlibat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) adalah dasar yang dilaksanakan di semua sekolah dan telah dimansuhkan melalui tempoh peralihan dasar dengan pendekatan *soft-landing*. Sebaliknya *Dual Language Programme* (DLP) pula adalah satu program pengukuhan bahasa Inggeris berasaskan pilihan sekolah di bawah dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI).

Melalui program ini, sekolah-sekolah yang memenuhi kriteria yang ditetapkan diberi pilihan untuk mengadakan sesi pengajaran dan pembelajaran dalam bahasa Inggeris selain daripada bahasa Malaysia

bagi mata pelajaran Matematik dan Sains. Bagi tujuan tersebut, sekolah yang berhasrat melaksanakan DLP perlu memenuhi kriteria-kriteria berikut, iaitu:

- i) sumber yang mencukupi;
- ii) kesediaan Pengetua atau Guru Besar dan guru untuk melaksanakan DLP;
- iii) permintaan dan sokongan daripada ibu bapa; dan
- iv) pencapaian sekolah dalam mata pelajaran Bahasa Melayu yang menyamai atau lebih baik daripada pencapaian purata kebangsaan

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini sebanyak 292 buah sekolah sedang melaksanakan DLP dan jumlah dana yang diperuntukkan bagi tahun 2015 dan 2016 adalah sebanyak RM32 juta.